

**Siapa xoxo, soal Tun M**  
**SINAR HARIAN**  
**3 JANUARI 2018**  
**MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**

SHAH ALAM - Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima 'hadiah' istimewa daripada seseorang yang tidak dikenalnya.

Katanya, hadiah berkenaan diletakan oleh 'orang berkenaan' di keretanya.

"Ada orang tinggalkan nota melekat (sticky note), ni di kereta saya.Siapa xoxo?," kongsinya di Facebook.

Tulisan di nota melekat itu tertera tulisan 'Tun I Love U'.

Perkongsian Mahathir berkenaan terus menarik perhatian netizen alam maya yang turut memberi komentar berhubung tulisan di nota melekat berkenaan.

"Tun M ada peminat rahsia...saya terang-terang sayang awak Tun," kongsi Masrina Saad.

Sementara itu kata Adea Aeyra Wallaa pula menyatakan 'tak dapat berjumpa dengan Tuannya dengan kereta pun jadilah'.

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya kami seluruh rakyat Malaysia sayang Tun sampai bila-bila," kongsinya.

**© 2017 All Rights Reserved •Karangkraf Group Media • © 2017 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karangkraf**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/politik/siapa-xoxo-soal-tun-m-1.778024>